

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 1/1976**

=====

**BUKU DAFTAR HAKMILIK BAGI DAERAH BARU**

-----

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pemungut- Pemungut Hasil Tanah supaya membuat catitan di dalam Daftar Hakmilik berkaitan dengan wujudnya daerah-daerah baru di Negeri Selangor.

2. Buku rekod baru hendaklah dibuat bagi tanah-tanah yang termasuk di dalam daerah baru. Ini bermakna salinan bagi segala butir-butir hakmilik tanah dan catitan yang masih dikuatkuasakan hendaklah dibuat seperti menggantikan Surat Hakmilik yang hilang atau rosak (Seksyen 170 Kanun Tanah Negara). Daftar Hakmilik asal hendaklah disimpan di Pejabat Pendaftaran yang berkenaan. Daftar hakmilik asal yang boelh dipindah terus dengan tidak payah salinan dibuat hendaklah diserahkan dan disimpan oleh Pejabat Pendaftaran baru.

3. Pemungut-Pemungut Hasil tanah adalah diminta membuat catitan di dalam Daftar Hakmilik (salinan) dan Daftar Hakmilik lama seperti berikut:-

(a) Dalam Buku Daftar ( Salinan )

This entry is a true copy of original entry No.....Vol  
.....Fol ....., and is made in  
continuation thereof this .....day of  
.....,1976 under Section 166 of National Land code.  
All existing registered interest being copied therein.

Seal ditanda tangan  
Oleh Pemungut Hasil Tanah  
Daerah Baru.

(b) Dalam Buku Daftar ( Lama )

Land hereby describe has been included in the new District of  
.....vide Selangor G. N.  
No. 140 / 27. 3. 75.

Seal ditanda tangan  
Oleh Pemungut Hasil Tanah  
Daerah Baru

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG. Sel. 32 Pt.1 (14)

Kuala Lumpur  
6hb. Januari 1976